



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 3 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	USAHA TANGANI ISU SOSIAL MURID SEKOLAH BABIT KERJASAMA BERSEPADU, RENTAS KEMENTERIAN - FADHLINA		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1282903/usaha-tangani-isu-sosial-murid-sekolah-babit-kerjasama-bersepadu-rentas	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1466734/usaha-tangani-isu-sosial-murid-sekolah-perlukan-kerjasama-bersepadu	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/02/segala-isu-ditangani-dengan-kerjasama-rentas-kementerian-fadhлина/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PERLU PENDEKATAN HOLISTIK BENDUNG JENAYAH SEKSUAL GOLONGAN DI BAWAH UMUR: LEE LAM THYE		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/02/perlu-pendekatan-holistik-bendung-jenayah-seksual-golongan-di-bawah-umur-lee-lam-thye	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php/world/news.php?id=2486220	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/02/rise-in-child-sex-crimes-signals-moral-social-crisis-says-lee-lam-thye	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1307039/lam-thye-proposed-ban-roblox-omi	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	WRUR: TAHAN SEBAK DENGAR KELUHAN RAKYAT		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/wrur-tahan-sebak-dengar-keluhan-rakyat/	MELAKAHARIINI.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	LIMA KES TETAK DAN SATU KELAR, APA SUDAH JADI?		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/755040/suara-sinar/analisis-sinar/lima-kes-tetak-dan-satu-kelar-apa-sudah-jadi	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	TIADA UNSUR PENDERAAN KANAK-KANAK MAUT		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/02/tiada-unsur-penderaan-kanak-kanak-maut/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KANAK-KANAK PUN TIDAK TERLEPAS DARIPADA HUKUMAN		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/2025/11/kanak-kanak-pun-tidak-terlepas-daripada-hukuman/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	'SAYA SANGGUP KORBANKAN KEHENDAK DAN KEMAHUAN DEMI EMAK'		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/11/1282944/saya-sanggup-korbankan-kehendak-dan-kemahuan-demi-emak	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	WANITA DICABUL DI TEMPAT LETAK KERETA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-dicabul-di-tempat-letak-kereta/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1466660/kon-traktor-wanita-diserang-dicabul-di-tempat-letak-kereta	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1282842/kontraktor-diserang-dicabul-di-tempat-letak-kereta	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755062/berita/semasa/wanita-tempuh-detik-hitam-dicabul-di-parkir-kelab-malam	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/02/polis-giat-cari-suspek-cabul-wanita-di-tempat-letak-kereta-kelab-malam/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://onetiger.com/polis-buru-lelaki-didakwa-cabul-wanita-di-tempat-letak-kereta-jalan-metro-pudu/	ONETIGER.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/kontraktor-dicabul-kereta/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/02/polis-buru-lelaki-sentuh-wanita-di-parkir-kelab-malam/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-buru-lelaki-cabul-wanita-di-tempat-letak-kereta-jalan-metro-pudu-545722	ASTROAWANI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/02/woman-allegedly-molested-at-nightclub-parking-lot-in-kl	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1306829/night-out-turns-nightmare-cops-hunt-man-who-molested-woman	NST.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=7cktgVRgrPQ	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Usaha tangani isu sosial murid sekolah babit kerjasama bersepadu, rentas kementerian - Fadhlina

Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my



FADHLINA meluangkan masa berswafoto bersama para pelajar pada majlis Wacana Fikrah Siddiq Fadzil bersempena Mukhtar Wadah Negeri Pulau Pinang di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pulau Pinang. FOTO BERNAMA

Georgetown: Kementerian Pendidikan (KPM) menegaskan usaha menangani isu sosial dalam kalangan pelajar di sekolah dilaksanakan secara bersepadu membabitkan kerjasama merentasi pelbagai kementerian termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Menterinya, Fadhlina Sidek berkata, pendekatan rentas kementerian itu sejajar dengan komitmen Kerajaan Madani yang menekankan sinergi pelbagai agensi dalam menangani sesuatu isu secara menyeluruh dan berterusan.

"Setiap komitmen Kerajaan MADANI dalam apa juga isu adalah merentas kementerian dan sememangnya kerjasama dengan KPWK sudah pun menjadi sebahagian besar daripada agenda bersama.

"Ada beberapa program bersama KPWK yang saya fikir dilaksanakan dengan baik khususnya membabitkan perlindungan kanak-kanak, advokasi kesalahan jenayah seksual serta pendidikan dan kesihatan reproduktif yang memberi kesan besar kepada kedua-dua kementerian," katanya.

Fadhlina berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan ucapan pada Wacana Fikrah Siddiq Fadzil sempena Mukhtar Wadah Negeri Pulau Pinang di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pulau Pinang, di sini, hari ini.

Beliau memaklumkan, kerjasama antara kementerian akan terus diperkukuh dengan pembabitkan lebih meluas pelbagai pihak pada masa hadapan untuk menangani isu atau permasalahan yang berlaku secara lebih berkesan.

"Apabila berlaku sesuatu isu, ia harus dilihat sebagai tanggungjawab bersama bukan hanya KPM tetapi turut membabitkan kementerian lain, komuniti, ibu bapa dan masyarakat.

"Ini juga selaras dengan ucapan Perdana Menteri serta 'immediate reform' (reformasi yang dilaksanakan dengan segera) yang sedang dijalankan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, kepentingan pembabitkan ibu bapa dan komuniti amat penting dalam memastikan keberkesanan pelbagai program kerajaan, khususnya dalam memperkukuh nilai kekeluargaan yang menjadi asas penting pembangunan anak-anak.

"Peranan maksimum ibu bapa amat penting dalam pembangunan keluarga dan pembesaran anak-anak bagi memastikan kejayaan program serta penguatan nilai dalam keluarga dan masyarakat," katanya.

Media sebelum ini melaporkan KPM akan melaksanakan reformasi segera terhadap sistem dan mekanisme sedia ada, termasuk memperkasa program pendidikan sedia ada, bagi mengelak berulangnya insiden tragis seperti kes pelajar dirogol dalam kelas.

Reformasi itu juga akan dilaksanakan secara rentas kementerian, khususnya dengan Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Komunikasi dan KPWK.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perlu pendekatan holistik bendung jenayah seksual golongan di bawah umur: Lee Lam Thye

© November 2, 2025, Ahad - 12:44pm



Gambar fail BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat Tan Sri Lee Lam Thye menggesa pelaksanaan pendekatan lebih holistik bagi menangani peningkatan kes jenayah seksual membabitkan golongan di bawah umur.

Beliau yang menyifatkan ia sebagai krisis moral dan sosial serius berkata peningkatan kes seumpama itu mencerminkan keruntuhan kawalan sosial, kemerosotan nilai moral serta kurangnya kefahaman dalam kalangan remaja mengenai harga diri dan tanggungjawab.

“Faktor utama yang menyumbang termasuk terlalu banyak pendedahan terhadap kandungan lucah dan tidak bermoral di media sosial, pengaruh rakan sebaya, kurangnya pengawasan ibu bapa serta ketiadaan pendidikan seks dan moral menyeluruh di sekolah,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Lee berkata kanak-kanak dan remaja kini begitu mudah mengakses bahan yang tidak sesuai melalui telefon pintar masing-masing tanpa kawalan atau bimbingan sewajarnya.

Kurangnya perhatian, kasih sayang, dan komunikasi dalam sesebuah keluarga turut menyumbang kepada masalah berkenaan.

“Ramai anak muda yang tidak mendapat kasih sayang atau bimbingan sewajarnya di rumah cuba mencari perhatian di luar dan akhirnya terjebak dalam hubungan berisiko, malah ada yang menjadi mangsa atau pelaku jenayah seksual,” katanya.

Sehubungan dengan itu, Lee mencadangkan pendidikan seks dan moral yang menyeluruh diperkenalkan di sekolah, bukan tertumpu kepada aspek biologi sahaja tetapi turut memberi penekanan terhadap menghormati tubuh badan sendiri, sempadan peribadi serta tanggungjawab sosial.

Beliau berkata ibu bapa perlu dilengkapi pengetahuan untuk mengenal pasti perubahan tingkah laku anak-anak serta memantau penggunaan Internet dan media sosial.

Lee turut menggesa Kementerian Pendidikan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperhebat langkah pencegahan di sekolah dan komuniti.

“Ini termasuk memperkukuh pendidikan berasaskan nilai, memperluas perkhidmatan kaunseling, menempatkan petugas terlatih bagi intervensi awal serta bekerjasama rapat dengan ibu bapa dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Hanya melalui usaha bersepadu, kita dapat melindungi generasi muda dan menjamin masa depan yang lebih selamat untuk semua,” katanya.

Kesejahteraan moral dan mental generasi muda hari ini bakal penentu masa hadapan negara dan usaha memberantas jenayah seksual membabitkan golongan di bawah umur perlu dianggap sebagai keutamaan nasional dengan sokongan berterusan daripada semua pihak berkepentingan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin menyerahkan kit makanan kepada pengadu yang hadir berurusan di kaunter Jabatan Kebajikan Masyarakat pada Hari Aduan Rakyat Sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) DUN Durian Tunggal di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Durian Tunggal, Alor Gajah. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

WRUR: TAHAN SEBAK DENGAR KELUHAN RAKYAT

SALMAN HAMAT
AHAD, 2 NOVEMBER 2025 @ 17:11

DURIAN TUNGAL 2 November – Pemberian kit makanan mengandungi bahan keperluan asas dapur, sedikit sebanyak menceriakan individu hadir berurusan di kaunter Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada Hari Aduan Rakyat Sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Durian Tunggal, hari ini.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin, berkata atas dasar simpati dan cakna terhadap kepayahan rakyat, pihaknya menerusi JKM sentiasa memastikan individu memerlukan perhatian tidak pulang dengan tangan kosong.

“Kebetulan pada penganjuran Hari Aduan Rakyat di DUN Durian Tunggal kali ini petugas JKM ada bawa bersama kit makanan, jadi kita agihkan terus kepada individu yang datang membuat aduan dan memohon bantuan daripada JKM.

“JKM akan siasat kes mereka berkenaan bagi tindakan selanjutnya dan jika layak bantuan akan disalurkan berdasarkan keperluan atau keutamaan. Contoh kita mungkin salurkan bantu persekolahan untuk anak-anak pengadu ini, secara tidak langsung meringankan beban perbelanjaan mereka,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Program itu turut dihadiri Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rals Yasin, Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman, Exco Sains, Teknologi Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan, barisan Exco, Timbalan Exco, ketua jabatan serta agensi Kerajaan Negeri Melaka.

Kalsom berkata, pemohon bantuan yang hadir ke kaunter JKM melibatkan individu tidak bekerja akibat masalah kesihatan serius dan mempunyai jumlah tanggungan yang agak ramai.

Mengulas lanjut Kalsom, berkata hampir semua permasalahan melibatkan aspek kebajikan rakyat di DUN Durian Tunggal diselesaikan hasil daripada perbincangan pada sesi ‘town hall’ dilaksanakan sebelum ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lima kes ketak dan satu kelar, apa sudah jadi?



NURUL HIDAYAH HAMID [Follow](#)

02 November 2025 07:10am



Apabila kasih tidak dijaga dan emosi menguasai akal, rumah bukan lagi tempat berlindung, tetapi menjadi lokasi tragedi. - Gambar hiasan

DALAM tempoh dua minggu, negara digemparkan dengan siri insiden ngeri - lima kes ketak dan satu kes kelar, hingga ada yang maut, ada pula parah, dan lebih menyayat hati, lima daripadanya dilakukan oleh ahli keluarga sendiri.

Bukan lagi orang luar, sebaliknya suami menetak isteri, abang menyerang adik, adik ipar memenggal kepala abang ipar, bapa saudara mengasari anak saudara.

Apa yang sedang berlaku dalam masyarakat kita?

Tragedi demi tragedi ini bukan sekadar angka di atas kertas, tetapi cerminan jiwa yang makin rapuh dan nilai kekeluargaan yang kian menipis.

Dalam kejadian terbaru di Kampung Pida 3, Jerlun, seorang lelaki maut dengan kepala terputus selepas dipercayai ditetak adik iparnya sendiri dalam kejadian malam Jumaat.

Sebelumnya, di Tumpat, seorang suami maut selepas ditetak bertubi-tubi oleh sepupu isterinya hingga tangan dan kaki putus, manakala di Pasir Puteh, bapa saudara angkat pula menetak anak saudaranya sendiri.

Di Sibul, seorang isteri dan anak perempuannya cedera selepas diserang suami sendiri, sementara di Batu Pahat, kanak-kanak berusia sembilan tahun pula mencederakan adik lelakinya.

Tragedi demi tragedi itu memperlihatkan corak yang membimbangkan iaitu apabila emosi tidak terkawal, dendam, tekanan hidup ataupun masalah kesihatan menjadikan keluarga sendiri sebagai mangsa.

Menurut Marliana Awang, 39, isteri kepada Nasir Md Nanyan, 45, yang maut dalam kejadian tragis di Kampung Pida 3, Jerlun, suspek yang juga adik ketiganya, dipercayai mengalami gangguan perasaan dan pernah menunjukkan tanda-tanda halusinasi serta kemurungan.

Kanak-kanak berusia sembilan tahun yang bertindak mencederakan adik lelakinya di Batu Pahat juga dipercayai mengalami halusinasi pada waktu malam akibat pengaruh permainan video.

Lebih menyedihkan, setiap kali insiden seperti ini berlaku, keluarga mangsa terperangkap dalam dilema.

Hendak marah, pelaku darah daging sendiri. Hendak maafkan, nyawa yang pergi tak akan kembali.

Ibarat pepatah, "luah mati mak, telan mati bapa", mereka menanggung beban antara kasih dan dendam, antara marah dan reda.

Lebih tragis, trauma yang dialami tidak hilang dalam sehari, luka di hati kekal, apatah lagi jika pembunuh itu insan yang dulu sebantak dan sepinggan.

Keganasan rumah tangga dan jenayah dalam keluarga kini bukan lagi kes terpencil. Ia petanda jelas bahawa tekanan hidup, kesihatan mental, dan komunikasi yang terputus sedang meracuni masyarakat.

Masyarakat perlu peka terhadap tanda-tanda awal kemurungan, perubahan emosi, tingkah laku agresif, atau ancaman yang diluahkan di media sosial.

Ini kerana apabila kasih tidak dijaga dan emosi menguasai akal, rumah bukan lagi tempat berlindung, tetapi menjadi lokasi tragedi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis mengesahkan tiada unsur penderaan dalam kes kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun di daerah ini, sebaliknya mangsa dipercayai meninggal dunia akibat lewat dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Foto hiasan Bernama

Tiada unsur penderaan kanak-kanak maut

By TVS #bm, Berita Sarawak November 2, 2025 8:10 PM

JULAU, 2 Nov: Polis mengesahkan tiada unsur penderaan dalam kes kematian seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun di daerah ini, sebaliknya mangsa dipercayai meninggal dunia akibat lewat dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan.ka

Ketua Polis Daerah Julau, Deputy Superintendan Alif Haiqal Ramesh Abdullah berkata, hasil siasatan mendapati kanak-kanak tersebut mengalami pendarahan dalam otak serta retak pada tengkorak sebelum disahkan meninggal dunia di Hospital Sibul pada 25 Oktober lalu.

Menurutnya, kejadian itu disiasat selepas pihak hospital menerima mangsa dalam keadaan kritikal pada 21 Oktober sekitar jam 3.30 petang.

"Siasatan awal mendapati mangsa tidak mendapat penjagaan sewajarnya sebelum kejadian dan hanya dihantar ke hospital selepas keadaannya semakin serius," katanya dalam kenyataan hari ini.

Susulan laporan tersebut, polis menahan ibu mangsa berusia 21 tahun di sebuah rumah di Julau pada hari sama sekitar jam 8 malam bagi membantu siasatan.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana mengabaikan atau mendedahkan kanak-kanak kepada situasi yang boleh menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi.

"Kertas siasatan telah dirujuk kepada Kamar Pengarah Pendakwaan Negeri Sarawak dan arahan diberikan untuk menuduh suspek di mahkamah," ujarnya.

Beliau menambah, suspek dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Sarikei pada 31 Oktober lalu, namun tiada pengakuan direkodkan dan tiada jaminan ditawarkan.

Tertuduh kini direman di Penjara Sibul sehingga sebutan semula kes pada 13 November ini.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak pun tidak terlepas daripada hukuman



DAN BILIK SYED AZIM AMIR SYED ABU BAKAR 2 November 2025, 03:01

Sejak kebelakangan ini kita telah disjukkan dengan berita-berita kanak-kanak yang terlibat di dalam jenayah serius atau berat.

Maksud kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001 adalah yang di bawah umur 18 tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah, iaitu sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana ditetapkan dalam Seksyen 82 Kanun Keseksian (Akta 574).

Apakah maksud jenayah serius ini? Seksyen 528 Kanun Keseksian menyatakan kesalahan serius adalah yang mengendahkan hukuman penjara 10 tahun ke atas.

Di bawah Akta Kanak-kanak 2001 mendefinisikan jenayah berat termasuklah kesalahan pembunuhan, cubaan membunuh; semua kesalahan di bawah Akta Senjata Api; kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82) yang boleh dihukum penjara seumur hidup atau hukuman mati; semua kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan semua kesalahan di bawah Akta Penculikan 1961 (Akta 365).

Kanak-kanak sebenarnya tidak terlepas daripada pengadilan dan hukuman.

Cara pengendalian kes kanak-kanak adalah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 yang mana prosedur atau tatacara bagaimana kanak-kanak dibicarakan dan diberikan hukuman bagi kesalahan jenayah.

Bukanlah mudah untuk menentukan hukuman bagi kanak-kanak, ini dapat dilihat daripada kes PP v. Muhammad Abdul Rahim & Satu Lagi (2007) 9 CLJ 672, di mana diputuskan seperti berikut:

"Adalah diakui bahawa penentuan hukuman yang sesuai dalam sesuatu kes jenayah terutama kes melibatkan kanak-kanak adalah suatu pelaksanaan budi bicara yang sukar oleh pihak mahkamah atas pelbagai sebab. Pertama, dalam kebanyakan kes, Partimen hanya menetapkan pilihan hukuman yang boleh dijatuhkan atau menetapkan hukuman maksimum. Dengan demikian terpujian kepada mahkamah membuat pilihan mengikut hukuman sesuai berdasarkan fakta sesuatu kes. Kedua, dalam memilih hukuman sewajarnya, mahkamah bukan sahaja perlu mempertimbangkan fakta kes tetapi juga mengambil kira kesan hukuman itu kepada kepentingan awam sebagai langkah kawalan sosial. Oleh itu, kesan hukuman yang perlu dipertimbangkan bukan sahaja terhad ke atas pesalah tetapi terhadap masyarakat keseluruhannya."

Hukuman-hukuman yang dinyatakan di bawah Akta Kanak-kanak adalah Seksyen 81 Akta Kanak-kanak 2001 memperhalakan kuasa mahkamah bagi kanak-kanak apabila kesalahan dibuktikan iaitu:

§ Untuk memberikan amaran dan melepaskan kanak-kanak tersebut;

§ Melepaskan kanak-kanak tersebut apabila dia menyempurnakan satu boni berkelakuan baik dan untuk mematuhi apa-apa syarat-syarat yang dikenakan oleh mahkamah; memerintahkan kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan seseorang saudara atau orang lain yang layak dan sesuai selama tempoh dan syarat yang ditetapkan oleh mahkamah;

§ Memerintahkan supaya kanak-kanak itu didenda, pampasan atau kos, membuat perintah percubaan di bawah Seksyen 98 Akta Kanak-kanak 2001, memerintahkan supaya kanak-kanak itu dihantar ke sebuah sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry Gurney, memerintahkan seorang kanak-kanak itu jika seorang lelaki disabit tidak lebih 10 kali ratan dengan ratan yang ringan di mahkamah dan di hadapan ibu bapa atau penjaganya;

§ Mengendahkan hukuman pemenjaraan ke atas kanak-kanak tersebut jika ia berumur lebih daripada 14 tahun tertakluk kepada Seksyen 95 Akta Kanak-kanak 2001. Hukuman bagi kanak-kanak ini disesuaikan dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas kerana dalam mempertimbangkan hukuman perlu berlandaskan undang-undang khas untuk mereka dan tidak sama bagi mereka yang mencapai umur dewasa.

Di dalam kes *MJZVW v. PP* (2023) 8 CLJ 505 yang mana Mahkamah Rayuan telah mendengar rayuan bagi kanak-kanak berumur 15 tahun bagi pertuduhan berikut:

Pertuduhan:

Bahawa kamu pada 9 Julai 2020 jam lebih kurang 3 petang bertempat di no. 12, Jalan Nusaputra 1/3C Bandar Nusaputra, di daerah Sg. Sipang, telah melakukan amang seksual fizikal ke atas seorang kanak-kanak perempuan dengan menyentuh meramas payudara dan cuba memusunkan jari ke dalam kemaluannya. Oleh demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh didenda dan dihukum di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017.

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 2 Mac 2020 antara pukul 4 petang di bumbung foyer Tamatind Square Cyberjaya melakukan amang seksual fizikal ke atas kanak-kanak dengan cara menyentuh mana-mana bahagian fizikal mangsa dengan itu kamu melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017.

Semasa mahkamah mendengar kes rayuan ini, dia sudah berumur 18 tahun, namun setelah mendapati kanak-kanak ini banyak berubah daripada segi sikap dan perwatakan sejak ditahan selama tiga bulan di Sekolah Henry Gurney dan tidak terlibat dalam tabiatnya sebelum ini dan menduduki SPM dan setelah melebihi umur tidak boleh dihantar ke Sekolah Henry Gurney lagi, maka Mahkamah Rayuan memutuskan dia dikehendaki menjalani program khidmat masyarakat dan tidak perlu melalui pemulihan.

Bagaimanapun, sekiranya kanak-kanak itu memerlukan pemulihan keistimewaan maka peruntukan di bawah Seksyen 67 Akta Kanak-kanak 2001 boleh digunakan.

Berikut adalah contoh hukuman bagi kanak-kanak yang terlibat dalam kesalahan lebih serius umpamanya kes membunuh tanpa niat:

PP Iwn, Muhammad Abdul Rahim & Satu Lagi (2007) 9 CLJ 672 Kesalahan yang dilakukan adalah di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksian bersama-sama dengan seorang yang lain. Pada masa hukuman dijatuhkan pesalah kanak-kanak itu berumur 20 tahun. Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun daripada tarikh tangkapi. Mahkamah memilih hukuman penjara daripada menghantar pesalah kanak-kanak ke Sekolah Henry Gurney.

Dalam kes PP v. Francis Kuhn (2006) 8 CLJ 103. Pada masa kejadian pesalah kanak-kanak berumur 17 tahun enam bulan lima hari. Pesalah kanak-kanak ini telah dihantar ke Sekolah Henry Gurney sehingga berumur 21 tahun.

PP v. Saiful Firus (1996) 3 CLJ 629. Pesalah kanak-kanak telah dihantar ke Sekolah Henry Gurney sehingga berumur 21 tahun. Pada masa kejadian pesalah berumur 16 tahun dan satu bulan.

Namun demikian tidak bermakna mahkamah mengambil sembari lewa dalam memberikan hukuman terhadap kanak-kanak kerana setiap kes tidak sama faktanya. Dan mahkamah masih boleh mengenakan hukuman penjara terhadap kanak-kanak.

Mengikut laporan media tempatan dan kes-kes yang didaftarkan di mahkamah-mahkamah, kesalahan serius yang dilakukan oleh kanak-kanak nampaknya semakin meningkat dari sehari ke sehari.

Jika dulunya perlakuan jenayah oleh kanak-kanak hanyalah jenayah yang kecil atau 'potty offences' tetapi pada masa sekarang terdapat kanak-kanak berani melakukan rompakkan bersenjata, merogai bahkan, malah berani memarah.

Sekiranya satu hukuman selanjut tidak dijatuhkan kepada pesalah, ia akan memberi isyarat salah kepada kanak-kanak lain dan masyarakat umum bahawa mahkamah akan menunjukkan perasaan belas kasihan dan berlemah jika mereka melakukan kesalahan. Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah seharusnya mencerminkan perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Jika dilihat daripada kes-kes di atas, kebanyakan mempunyai isu sama, iaitu tidak mendapat perhatian ibu bapa kerana ibu bapa sibuk bekerja dan tidak meluangkan masa bersama kanak-kanak.

Dengan demikian dalam mengambil kira kes-kes terhadap kanak-kanak terdapat peruntukan yang mana ibu bapa diwajibkan terlibat dalam pemulihan kanak-kanak semasa dalam institusi pemulihan secara langsung menunjukkan peranan ibu bapa adalah faktor yang penting dalam pembentukan ahlak dan pemisahan kanak-kanak.

Datuk Syed Azim Amir Syed Abu Bakar ialah seorang Pengamal undang-undang.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Saya sanggup korbakan kehendak dan kemahuan demi emak'

Redzuan Muharam
redzuan.muharam@metro.com.my



MOHD Hafizi kini banyak menghabiskan masa menjaga ibu tercinta, Junidah. FOTO Ihsan Mohd Hafizi Yunus

Melaka: Berat hati Mohd Hafizi Yunus untuk melangkah ke tempat kerja setiap hari kerana perlu meninggalkan ibunya yang sudah uzur bersendirian di rumah.

Bagaimanapun, Mohd Hafizi, 37, yang juga anak tunggal perlu bekerja demi tanggungjawab menyara ibu tercinta, Junidah Hassan, 72, selepas kematian bapa tiri akibat sakit tua pada 2008.

Mohd Hafizi berkata, sesekali, adik beradik tirinya datang menjenguk ibu namun selebihnya, dia memantau ibunya menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang dihubungkan dengan telefon bimbit.

Menyengat kisahnya, Mohd Hafizi yang bekerja sebagai pembantu di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyedari kesihatan ibunya merosot sejak lima tahun lalu apabila kakinya muka membengkak.

Bagaimanapun, Mohd Hafizi dari Telok Mas, di sini, berkata, keadaan bertambah buruk sejak dua tahun lalu hingga Junidah terpaksa bergerak dengan bantuan tongkat pada awal tahun ini sebelum hilang upaya berjalan Julai lalu.

"Emak pun ada asma yang teruk dan baru-baru ini paras oksigen menurun serta ada jangkitan kuman pada paru-paru hingga dimasukkan ke hospital.

"Tangan dan kaki kanan juga tak dapat bergerak akibat oksigen juga pengaliran darahnya tak bagus.

"Emak bukan lumpuh cuma doktor kata, ada kemungkinan diserang angin ahmar tahap ringan jika terlambat dapatkan rawatan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Berikutan keadaan ibu yang memerlukan perhatian, Mohd Hafizi perlu membantu ibunya yang tidak dapat menguruskan diri dalam banyak perkara.

Lantaran itu, Mohd Hafizi perlu banyak berkorban masa dan keseronokan dengan rakan di luar waktu kerja demi menjaga 'syurganya'.

"Sekarang masa untuk saya ketepikan kehendak dan kemahuan diri kerana perlu dulukan emak. Saya pun terpaksa tolak mengikuti kursus ditawarkan majikan sebab nak jaga jaga emak.

"Itu bab kerja dan rutin harian pula bermula awal kerana bangun jam 5 pagi untuk mandikan serta uruskan emak termasuk pakaikan lampin.

"Kemudian, saya beri emak makan roti atau kuih dan minum susu formula seperti disyorkan doktor. Selesai semua, saya akan ke tempat kerja dan balik sambung beri emak makan, tukar lampin kemudian bagi makan ubat sebelum dia tidur.

"Mencabar juga kerana badan emak berisik dan saya pula kena angkat untuk mandikannya tapi buat juga walaupun ada kalanya tak larat sebab letih bekerja," katanya.



GAMBAR kenangan Mohd Hafizi dan ibunya, Junidah. FOTO Ihsan Mohd Hafizi Yunus

Bagaimanapun, Mohd Hafizi menganggap apa dilakukan itu sebahagian caranya berbakti dengan ibunya yang membesarkannya sejak kecil sehingga dewasa.

"Saya pernah tengok emak jaga nenek waktu sakit dulu dan sekarang giliran saya pula jaga emak.

"Ini juga cara saya nak habiskan masa dengan emak kerana jujurnya, saya rindu nak rasa masakannya dan dengar bebelannya tapi sekarang semua sudah tiada.

"Peluang jaga emak pun saya anggap satu anugerah daripada Allah SWT kerana tak semua orang ada kesempatan jaga ibu mereka, mungkin hanya yang terpilih saja," katanya.

Berhubung perkongsian di TikTok, Mohd Hafizi berkata, video dikongsikan asalnya untuk simpanan peribadi dan dijadikan kenangan.

"Tapi Alhamdulillah, ramai titipkan doa buat emak. Terima kasih dan diharap, perkongsian saya itu dapat beri mesej kesedaran kepada yang menonton untuk jaga sebaik mungkin emak, ayah atau adik beradik yang sakit.

"Kalau boleh, jaga mereka sama seperti jaga diri sendiri kerana apa dilakukan terutama menjaga ibu bapa adalah 'adang pahala' buat diri kita juga," katanya yang turut menanggung ibunya dengan wang hasil pendapatan daripada perkhidmatan sewaan inap desa.

Disiarkan pada: November 2, 2025 @ 3:06pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita dicabul di tempat letak kereta

🕒 02 November 2025, 12:05pm



Oleh: Muhaamad Hafis Nawawi

KUALA LUMPUR: Seorang wanita berdepan detik mencemaskan selepas diserang seorang lelaki dan dicabul di tempat letak kereta di sebuah kelab malam di Jalan Metro Pudu 2, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 6.40 pagi itu, kontraktor berusia 33 tahun itu sedang berjalan ke kereta sebelum didatangi lelaki tidak dikenali.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Asisten Komisioner Mohd Lazim Ismail berkata, polis menerima laporan pada jam 8 pagi semalam.

Menurutnya, kejadian berlaku di tempat letak kenderaan sebuah kelab malam di Jalan Metro Pudu 2.

“Suspek dipercayai berusia antara 27 hingga 28 tahun.

“Setakat ini masih belum ada tangkapan dan kes disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan,” katanya dalam kenyataan hari ini.